

Dokumen Sokongan

Dokumen sokongan yang perlu disediakan :-

Surat Tawaran Kemasukan TAR UMT, dokumen berkaitan kursus pengajian (sekiranya ada) perlu dimuat naik semasa membuat permohonan pinjaman di aplikasi web myPTPTN.

Pastikan dokumen dimuat naik :-


- i. Betul dan tepat
- ii. Satu (1) fail sahaja (< 2MB)
- iii. Jelas dan mudah dibaca
- iv. Format fail PDF



Semua maklumat adalah betul pada masa percetakan.
(Mac 2026)

Applikasi myPTPTN

1. Imbas kod QR di bawah dan muat turun applikasi myPTPTN.



2. Log masuk dengan MyDigital ID/daftar MyDigital ID.
3. Daftar pengguna dan aktifkan myPTPTN.
4. Sempurnakan proses eKYC.

3 Cara Sempurnakan eKYC

1. Sediakan kad pengenalan.
2. Ambil gambar depan dan belakang kad pengenalan.
3. Ambil gambar swafoto.



PTPTN

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sila hubungi:-

i.) Ibu Pejabat PTPTN Kuala Lumpur

Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jln. Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur
Careline: 03-2193 3000
Website: www.ptptn.gov.my

ii) Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT)

Jalan Genting Kelang, Setapak
53300 Kuala Lumpur
Tel: 03-4145 0123 ext 3343/3104
Website: www.tarc.edu.my
E-mel: fncaid@tarc.edu.my

iii.) Pejabat Hal Ehwal Pelajar (Kampus Cawangan TAR UMT)



Syarat-Syarat Permohonan

- :: Warganegara Malaysia.
- :: Tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon.
- :: Tiada akaun pinjaman PTPTN yang sedang diuruskan oleh Agensi Perundingan Hutang (APH)
- :: Pendapatan (kasar) bulanan ibu bapa/penjaga tidak melebihi RM50,000 (setelah ditolak RM250 seorang tanggungan).
- :: Telah mendapat tawaran kursus penuh (Full Offer) **Diploma/ Ijazah Sarjana Muda** (Bachelor Degree) sepenuh masa di TAR UMT dan memohon mengikut kemasukan (pelajar mengikuti kursus separuh masa, Foundation, A-Level dan Postgraduate tidak layak memohon pinjaman PTPTN).
- :: Baki tempoh pengajian semasa memohon **tidak kurang dari satu (1) semester**.

Jumlah Tawaran PTPTN

Jumlah tawaran pinjaman berdasarkan pendapatan isi rumah bulanan ibu bapa/penjaga:-

| Peringkat Pengajian | Jumlah Pinjaman Setahun Mengikut Peringkat | | |
|---------------------|--|----------|----------|
| | Maksimum* (RM) | 75% (RM) | 50% (RM) |
| Diploma | 6,800 | 5,100 | 3,400 |
| Ijazah Srj. Muda | | | |
| Sastera | 13,600 | 10,200 | 6,800 |
| Sains | 14,030 | 10,520 | 7,010 |

*Sekiranya pelajar/penjaga pelajar disenarai sebagai penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Cara Pembayaran PTPTN

Pengeluaran pinjaman pertama diproses setelah pelajar pulang perjanjian lengkap kepada PTPTN.

Pengeluaran pinjaman semester seterusnya mengikut jadual yang akan ditetapkan dan berdasarkan syarat pelajar masih meneruskan pengajian pada peringkat, jurusan dan IPT yang diluluskan, dan lulus peperiksaan semester sebelumnya dengan keputusan **GPA 2.0000** ke atas.

Panduan Permohonan Pinjaman Pendidikan



1. Pemohon dikehendaki mempunyai **Akaun Simpanan Individu Public Bank**. Nombor akaun simpanan individu pemohon wajib diisi semasa membuat permohonan pinjaman.
2. Pemohon perlu **muat turun aplikasi myDigital ID** pada peranti diri sendiri dan daftar secara *online*. Seterusnya, **muat turun aplikasi myPTPTN** dan log masuk dengan menggunakan myDigital ID yang telah didaftarkan.
3. Sekiranya pemohon/penjaga tidak **mempunyai akaun SSPN Prime**, pemohon/penjaga dikehendaki membuka akaun berkenaan dengan simpanan minimum sebanyak RM20 di aplikasi myPTPTN.
4. Daftar permohonan pinjaman dengan **bayaran pendaftaran/PIN PTPTN** (berharga RM5.00) di aplikasi web myPTPTN menggunakan komputer desktop/riba atau beli PIN PTPTN di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN)/mesin ATM BSN.
5. Lengkapkan maklumat permohonan pinjaman, muat naik dokumen tawaran kemasukan, dokumen berkaitan kursus pengajian (sekiranya ada) dan **hantar permohonan pinjaman melalui aplikasi web myPTPTN menggunakan komputer desktop/riba sebelum tarikh tutup permohonan**. (*Perhatian: Tarikh mula pengajian yang diisi hendaklah merupakan tarikh terdekat seperti yang dinyatakan di surat tawaran TAR UMT.*)
6. **Semak status permohonan** melalui peti pesanan di aplikasi myPTPTN pada hari ke-5 selepas tarikh tutup permohonan .
7. Pemohon yang ditawarkan pinjaman pendidikan dan ingin **menerima tawaran pinjaman** PTPTN perlu **membayar duti setem (RM20) dan tandatangan digital (RM5)** di aplikasi web myPTPTN. Peminjam perlu **turunkan tandatangan secara digital selepas +/-24 jam bayaran dilakukan**. Penghantaran dokumen tawaran dan pinjaman perjanjian perlu dilakukan dalam masa 14 hari dari tarikh kelulusan.
8. Dokumen perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak (peminjam dan PTPTN) dan dimeterai duti setem boleh dimuat turun oleh peminjam di aplikasi web myPTPTN. Tempoh paparan dokumen tersebut terhad kepada 60 hari sahaja.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman www.ptptn.gov.my

